

AKRAB: Abdul Rahman bersama Perdana Menteri Pertama, Tunku Abdul Rahman Putra ketika di Pulau Pinang.



MESRA: Abdul Rahman bersama Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ketika di Satiya, Bulgaria pada 1985.



KENANGAN: Abdul Rahman bersama bekas Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin.

SEMBANG SABTU

# Guru gentar pengarah 'budak'

BH- 31/3/2007

## Dr Abdul Rahman beri sumbangan besar dalam bidang pendidikan negara

Oleh Azrul Affandi Sobry

KEPUTUSANNYA berhijrah daripada Penolong Pegawai Daerah (ADO) ke bidang pendidikan memberi impak positif serta menjadi penentu kejayaan Tan Sri Dr Abdul Rahman Arshad hingga menjawat Ketua Pengarah Pelajaran pada 1985.

Ketika masyarakat pada masa itu melabelkan tindakannya sebagai 'bodoh' kerana meninggalkan bidang yang memberikan pendapatan lumayan serta jawatan idaman ramai, Dr Abdul Rahman tetap percaya pilihannya itu adalah yang terbaik bagi perkembangan kerjayanya.

Walaupun pada ketika itu, Pegawai Daerah menawarkan satu kawasan jajahan untuk ditadbir olehnya bagi menghalang beliau meninggalkan bidang terbabit, bagi Dr Abdul Rahman keputusan itu sudah ditekadkan kerana berasakan kerjaya sebagai ADO tidak menjanjikan cabaran seperti yang beliau kehendaki.

Dr Abdul Rahman tidak mampu bertahan dengan bidang kerja yang hanya bertugas menilai dokumen permohonan, membuat pertimbangan dan meluluskannya jika layak kerana baginya kerja semudah itu boleh dilakukan ramai orang.

"Saya mahukan cabaran dan tidak suka dikongkong dengan kerja yang statik seperti itu. Biarlah orang kata saya bodoh. Tetapi bagi saya, kesyukuran saya panjatkan kerana jika bukan kerana keputusan besar itu, tentu saya tidak berada pada tahap seperti ini sekarang," katanya.

Itulah antara rentetan permulaan perjalanan Dr Abdul Rahman dalam merangka kerjayanya sebagai seorang kakitangan pendidikan yang sudah banyak memberikan beliau pengalaman serta pengiktirafan sepanjang 30 tahun perkhidmatannya sebagai warga kakitangan pendidikan. Abdul Rahman yang menerima pendidikan tinggi terawal di Universiti Malaya (dulu di Singapura) pada 1956 memilih untuk menyambung pendidikan dalam bidang perguruan di universiti sama tetapi bertukar nama menjadi Universiti Singapura pada 1960 dengan mengambil kursus Diploma Pendidikan.

Di sinilah bermula langkah awal lahirnya seorang pendidik yang sehingga kini tidak kenal erti penat dan jemu dalam mencurahkan sepenuh tenaga dan idea bagi kebaikan mutu pendidikan negara. Selesai mengikuti kursus diploma pendidikan selama satu tahun, beliau ditempatkan untuk mengajar di kolej Melayu Kuala Kangsar, kolej yang pada zaman persekolahannya gagal dimasuki kerana kalah dalam lambungan duit syiling.

Tiada kelebihan tetapi pengiktirafan. Dr Abdul Rahman hanya mengajar selama tiga tahun di sekolah itu sebelum ditukarkan ke Jabatan Pelajaran Pulau Pinang pada 1965 sebagai Timbalan Pengarah Pelajaran Negeri, menjadikannya antara yang berjaya dinaikkan ke jawatan terbabit dalam masa singkat dan tanpa menjadi guru besar.

Hanya setahun di Pulau Pinang beliau ditukarkan ke Kedah bagi jawatan yang sama dan kemudian ke Kelantan pada 1968 tetapi kali ini dinaikkan pangkat menjadi Pengarah Pelajaran Negeri pada usia 31 tahun, pengarah termuda pada peringkatnya ketika itu.

"Seingat saya, belum pernah ada seorang yang semuda saya menjadi Pengarah Pelajaran negeri sehingga saya digelar pengarah 'budak-budak' kerana terlalu muda dan masih baru pula dalam bidang pendidikan. Tetapi di Kelantan, sebagai pengarah muda, saya disegani ramai guru terutama mereka yang mengajar di kawasan pedalaman kerana saya selalu membuat pemeriksaan mengejut di kawasan Hulu Kelantan bagi memeriksa guru yang selalu ponteng.

"Dulu, di Kelantan saya buat sistem penggiliran. Guru mesti kena mengajar di kawasan pedalaman sekurang-kurangnya dua tahun sebelum digantikan guru lain. Ketika itulah pelbagai kerenah dilakukan guru ketika hujung minggu. Ramai guru yang sepatutnya berada di sekolah pada pagi Ahad, tetapi lambat balik ke sekolah kerana lambat balik dari kampung. Saya selalu tunggu di pekan untuk meninjau guru yang lambat sampai dari kampung.

"Agak melucukan apabila guru yang menyedari kehadiran saya sanggup masuk ke masjid berlakon mengerjakan solat sedangkan pada masa itu baru jam 8 pagi. Solat apa pada masa begitu," ceritanya sambil ketawa.

Dua tahun di Kelantan, satu pengiktirafan drastik berlaku apabila beliau dinaikkan jawatan ke Kementerian Pendidikan (sekarang Pelajaran) sebagai Pengarah Peperiksaan pada usia 33 tahun.

"Di Lembaga Peperiksaan, saya menerima cabaran yang amat besar sepanjang perkhidmatan sebagai seorang kakitangan pendidikan. Pelbagai kritikan saya terima gara-gara pelaksanaan mata pelajaran Bahasa Melayu sepenuhnya dalam Sijil Pelajaran Malaysia (ketika itu MCE - Malaysian Certificate of Education).

"Keputusan menggantikan Bahasa Malaysia kepada Bahasa Melayu sepenuhnya membuatkan saya menerima kritikan dan ada yang mendakwa wujud sabotaj sehingga menyebabkan ramai pelajar bukan Melayu gagal mendapat kepujian dalam mata pelajaran terbabit.

"Susulan peristiwa itu, saya diminta berjumpa Kabinet yang ketika itu diketuai Tun Abdul Razak Hussein. Berdepan dengan anggota Kabinet, saya diajukan pelbagai soalan yang kadangkala berbaur dakwaan melulu menyebabkan orang muda seperti saya agak panas mendengarnya.

"Ketika itu jawapan saya pada kabinet agak kasar dan keras nadanya. Selepas itu, Tun Razak meminta saya menemuinya di rumah menyebabkan saya mula risau kerana menyangkakan cara jawapan saya pada Kabinet menimbulkan kurang senang pada Tun Razak," katanya.

Tetapi apabila berdepan dengan Tun Razak dan meminta maaf atas sikapnya di Kabinet, beliau menerima jawapan yang berbeza daripada Tun Razak yang antara lain berbunyi "Jangan risau, saya tak marah. Dalam Kabinet, kami selalu bertengkar malah lebih teruk daripada tadi."

Perjumpaan itu sebenarnya adalah untuk menugaskan Dr Abdul Rahman ke Cambridge bagi memberi penerangan kepada pegawai di sana mengenai tujuan sebenar pelaksanaan Bahasa Melayu yang menggantikan Bahasa Malaysia.

Empat tahun berkhidmat di Lembaga Peperiksaan, beliau ditukarkan lagi dan kali ini dilantik mengetuai Unit Perancangan dan Penyelidikan selama tiga tahun sebelum dilantik menjadi Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Satu seawal usia 39 tahun.

Pada 1985, beliau secara rasminya mengambil alih tugas Tan Sri Murad Md Noor sebagai Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia sebelum bersara pada 1991 dan mengambil keputusan untuk tidak menyambung kontrak walaupun ditawarkan.

Dr Abdul Rahman cukup bertuah kerana berpeluang merasai setiap zaman kepemimpinan Perdana Menteri sejak beliau menyertai bidang pendidikan bermula dengan Tunku Abdul Rahman Putra ketika beliau bertugas di Pulau Pinang dan bersara ketika era Tun Dr Mahathir Mohamad. Selain itu, beliau juga pernah memberi sumbangan besar yang kekal sehingga kini iaitu sebagai pencetus kepada penubuhan Sekolah Menengah Sains di seluruh negara dan memperkenalkan skim Rancangan Khas (RK) di sekolah terpilih.



ZOY | BERITA HARIAN

*"Belum pernah ada seorang yang semuda saya menjadi Pengarah Pelajaran negeri sehingga saya digelar pengarah 'budak-budak' kerana terlalu muda"*

**Abdul Rahman Arshad**
*Pengerusi Lembaga Penasihat Kluster Kecemerlangan*

**PROFIL**

**Tan Sri Dr Abdul Rahman Arshad**



**Tarikh Lahir:** 27 November 1936
**Tempat Lahir:** Masjid Tanah, Melaka
**Isteri:** Puan Sri Noor Hayati Mohamed

**Jawatan dulu:**
- Bekas Ketua Pengarah Pelajaran (1985-1991)

**Jawatan sekarang:**
- Canselor Kolej Universiti Antarabangsa Sedaya
- Pro Canselor Universiti Teknologi Mara (UiTM)
- Pengerusi Lembaga Penasihat Kluster Kecemerlangan
- Pengerusi Kolej DiKa

**Pendidikan:**
**1947:** Sekolah Melayu Masjid Tanah, Melaka
**1948-1956:** Sekolah Tinggi Melaka
**1956-1960:** Universiti Malaya (Sarjana Muda dengan Kepujian)
**1960-1961:** Universiti Singapura (Diploma Pendidikan)
**1965-1966:** Universiti Reading, England (Diploma Pengurusan Pendidikan)
**1972:** Kolej Pengurusan, New Zealand
**1981:** Sekolah Perniagaan Harvard (Program Lanjutan)
**2005:** Universiti East London, England (Doktor Falsafah)



NASHAIRI MD NAWI | BERITA HARIAN

CINTAKAN ILMU: Abdul Rahman dan isteri jadikan pendidikan sebagai teman hidup.

# 'Pembelajaran satu proses berterusan sepanjang hayat'

PENCEN dalam perkhidmatan pendidikan bukan bermakna pencen daripada dunia pembelajaran. Atas dasar itu, Tan Sri Dr Abdul Rahman Arshad masih bergiat aktif dalam menyumbangkan tenaga serta idea untuk membantu institusi pendidikan negara.

Penerima tujuh ijazah kehormat dari universiti dalam dan luar negara itu masih bertenaga menyumbangkan kudratnya untuk merealisasikan azamnya memartabatkan bidang pendidikan.

Memegang jawatan sebagai Canselor Kolej Universiti Antarabangsa Sedaya, Pengerusi Kolej DiKa, Pro Canselor Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan terbaru dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Penasihat Kluster Kecemerlangan membuktikan khidmatnya pada usia 71 tahun itu masih ditagih bagi menaikkan mutu pendidikan negara.

Malah, beliau sendiri menunjukkan minat mendalam terhadap pendidikan dengan menamatkan pengajian Doktor Falsafah di Universiti East London, England pada 2005, 14 tahun selepas bersara daripada perkhidmatan kerajaan sekali gus membuktikan kepada semua bahawa pelajaran adalah satu proses berterusan sepanjang hayat.

Sepanjang pembabitannya sebagai pegawai pendidikan, beliau berkata, kepuasan paling besar dalam hidupnya ialah ketika tiga tahun berkhidmat sebagai guru kerana baginya tempoh itu memberinya peluang menerima anugerah secara langsung setiap hari.

"Mengajar di dalam kelas lebih memberi kepuasan kerana setiap hari saya dapat melihat kejayaan murid apabila objektif pengajaran tercapai iaitu berbeza apabila menjadi Ketua Pengarah Pelajaran kerana setiap apa yang saya buat memerlukan masa yang lama untuk melihat hasilnya," katanya.

Beliau berkata, setiap kejayaan yang dikecapi dalam hidupnya berlaku dengan begitu pantas tetapi baginya ia bukan disebabkan sebarang keistimewaan tetapi menganggap itu semua sebagai satu pengiktirafan dalam hidupnya.

'Banyak pengiktirafan yang saya kecapi sepanjang karier dalam bidang pendidikan. Antaranya, difahamkan saya adalah bukan warga negara Kanada pertama menerima ijazah kehormat dari Universiti Saskatchewan selain sering menjadi pegawai termuda menjawat beberapa jawatan utama di kementerian.

"Selain itu, kepercayaan yang diberikan masyarakat pendidikan sehingga kini membuktikan pengiktirafan itu tidak pernah putus menjadi teman sepanjang hidup saya," katanya.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION